

**TEKS UCAPAN
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR DAING NASIR IBRAHIM
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
SEMPENA
MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN AKADEMIK *EMPOWER ECER* 2016
DAERAH KUANTAN PADA HARI SELASA, 28 MAC 2017, PUKUL 2.00 PETANG
DI ASTAKA, UMP KAMPUS GAMBANG**

SALUTASI

Yang Berhormat Dato' Md. Sohaimi Haji Mohamed Shah,
Ahli Dewan Undangan Negeri Pahang Bagi Kawasam Sungai Lembing;

Yang Hormat Dato' Haji Mohd Mazlan Sharudin,
Pengurus Besar, Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur
Wilayah Pahang;

Yang Hormat Dato' Rosdi Ismail,
Pengarah Pendidikan Pahang;

Yang Berusaha Tuan Haji Mohd Razali Mustafar
Pegawai Pendidikan Daerah Kuantan;

Yang Berusaha para pengetua, guru besar dan guru penyelaras
bagi sekolah-sekolah *empower* ECER tahun 2016;

Para pelajar dan ibu bapa yang diraikan;

Rakan-rakan media;

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati;

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

KATA PEMBUKA

1. *Alhamdulillah*, suka saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Ta'ala, kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya maka kita dapat bertemu dalam Majlis Anugerah Kecemerlangan Akademik Empower ECER pada petang ini.
2. Terlebih dahulu, saya bagi pihak pengurusan dan seluruh warga UMP ingin mengucapkan selamat datang dan mengalu-alukan kehadiran tetamu kehormat kita, Yang Berhormat Dato' Md. Sohaimi Haji Mohamed Shah, ADUN Sungai Lembing serta para tetamu kenamaan yang lain ke UMP Kampus Gambang sempena acara pada petang ini.
3. Acara ini merupakan manifestasi penghargaan dan pengiktirafan UMP selaku peneraju utama program Latihan Kemahiran Akademik di bawah inisiatif Empower ECER bersama pihak ECERDC kepada warga sekolah-sekolah rendah dan menengah yang telah menerima manfaat daripada inisiatif tersebut sepanjang tahun 2016.

4. Acara ini juga dianjurkan khusus untuk kita sama-sama meraikan kecemerlangan pencapaian anak-anak didik kita di sekolah-sekolah penerima manfaat Empower ECER dalam tiga peperiksaan awam utama sepanjang tahun 2016 iaitu Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Tingkatan 3 (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

5. Untuk itu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada para pentadbir sekolah, guru, ibu bapa dan anak didik yang diraikan pada petang ini atas kejayaan tersebut yang turut membuktikan keberkesanan inisiatif Empower ECER dalam konteks merangsang kecemerlangan akademik para penerima manfaat yang berkenaan.

6. Dalam hubungan yang sama, UMP amat bersyukur dan berbesar hati kerana telah dapat menunaikan tanggungjawab sosial korporatnya (CSR) melalui inisiatif Empower ECER ini sejak tujuh tahun yang lalu dengan kepercayaan yang diberikan pihak ECERDC serta sinergi padu kedua-dua pihak bersama Jabatan Pendidikan Negeri Pahang dan Pejabat Pendidikan Daerah Kuantan.

PROGRAM LATIHAN AKADEMIK EMPOWER ECER

7. Yang Berhormat Dato', tuan-tuan dan puan-puan,

Program Latihan Kemahiran Akademik Empower ECER yang dijalankan sepanjang tahun 2016 di daerah Kuantan telah melibatkan sebanyak tujuh buah sekolah iaitu empat sekolah rendah dan tiga sekolah menengah dengan penyertaan seramai 300 orang pelajar sebagai penerima manfaat.

8. Keunikan program ini terletak pada fokus kandungan modul dan kumpulan sasarannya. Walaupun secara umumnya, program ini bertujuan mendedahkan para peserta kepada teknik dan kemahiran belajar yang lebih terkini dan efektif, namun cabaran utama pelaksanaannya ialah untuk mentransformasikan pencapaian pelajar-pelajar yang majoritinya dari kumpulan C, D dan E meningkat kepada kumpulan A dan B.

9. Hasilnya tidaklah mengecewakan. *Alhamdulillah*, berkat usaha dan doa semua pihak yang terlibat, ada kisah-kisah kejayaan dalam kalangan peserta Program Latihan Kemahiran Akademik Empower ECER Daerah Kuantan yang dapat dikongsikan pada hari ini sebagai motivasi buat kita meneruskan usaha murni ini pada tahun-tahun akan datang.

10. Bagi peperiksaan UPSR, sukacita saya mengumumkan bahawa seramai empat peserta telah berjaya mencapai keputusan cemerlang 6A. Manakala bagi peperiksaan PT3 pula, seramai 22 peserta telah merekodkan keputusan 5A ke atas dan seorang daripadanya telah mencapai keputusan amat cemerlang iaitu 8A.

11. Penting untuk disebut di sini bahawa untuk peperiksaan PT3 tahun 2016, kita berjaya mencatat rekod sifar gagal dalam kalangan peserta Program Latihan Kemahiran Akademik Empower ECER Daerah Kuantan.

12. Bagi peperiksaan SPM pula, transformasi ketara telah dibuktikan oleh para peserta terlibat. Sekiranya hanya 12 calon berada pada tahap lulus sebelum menyertai program ini, *Alhamdulillah*, hasil kesungguhan mereka, bimbingan guru dan sokongan modul ini, kita berjaya menghasilkan pencapaian yang memberansangkan di mana 79 peserta berjaya merekodkan kelulusan dalam SPM dan dua daripadanya menerima keputusan 8A. Syabas dan tahniah diucapkan.

13. Justeru, majlis pada petang ini diadakan khusus bagi mengiktiraf dan meraikan kecemerlangan 41 peserta Program Latihan Akademik Empower ECER Daerah Kuantan dalam ketiga-tiga peperiksaan awam tadi. Jumlah tersebut terdiri daripada tujuh pelajar UPSR, 22 pelajar PT3 dan 12 pelajar SPM yang membuktikan kemampuan mereka untuk berdaya maju dalam akademik dan seterusnya mencipta kejayaan yang gemilang.

14. Kepada para pelajar yang diraikan ini, sukalah saya menasihatkan dan mengingatkan saudara dan saudari bahawa perjuangan akademik anda masih belum berakhir dan perjalanan hidup anda masih jauh. Penghargaan dan pengiktirafan yang diberikan pada hari ini sewajibnya menyuntik kesedaran dan keinsafan yang lebih mendalam untuk saudara dan saudari melipatgandakan lagi usaha ke arah kecemerlangan dengan sokongan dan dorongan daripada pihak sekolah, para guru, ibu bapa dan keluarga.

15. Mulalah merancang laluan akademik dan kerjaya anda daripada sekarang. Momentum kecemerlangan yang dikecapi saudara dan saudari kini perlu terus terang menyala, banggakanlah ibu bapa dan guru anda dengan lebih banyak kisah kejayaan dan hadiah kecemerlangan selepas ini. Gagal merancang bererti merancang untuk gagal. Ingatlah bahawa semua individu di sekeliling anda menginginkan yang terbaik untuk saudara dan saudari; justeru teruslah melangkah sebagai pejuang ilmu yang gagah, mudah-mudahan dirahmati Tuhan dengan rahmah dan barakah, *Amin*.

KATA PENUTUP

16. Yang Berhormat Dato', tuan-tuan dan puan-puan,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung atau pun tidak langsung dalam menjayakan Program Latihan Kemahiran Akademik Empower ECER Daerah Kuantan sepanjang tahun 2016 yang lalu.

17. Penghargaan khusus ingin saya tujukan kepada rakan-rakan dari ECERDC dan warga kerja UMP dari UMP Advanced Education Sdn Bhd atas sinergi jitu dan komitmen berterusan yang digembleng sejak tahun 2010 lagi bersama Jabatan Pendidikan Negeri Pahang, Pejabat Pendidikan Daerah Kuantan, para pentadbir sekolah, guru dan ibu bapa yang komited dengan sokongan kepimpinan kerajaan negeri yang sentiasa prihatin untuk merealisasikan agenda kecemerlangan pendidikan anak bangsa.

18. Saya berdoa mudah-mudahan Allah Ta'ala akan terus melimpahkan rahmat peliharaan-Nya kepada kita semua dengan naungan kekuatan, keazaman, kesejahteraan, keselamatan dan kecemerlangan, *Amin*.

Sekian, *wabillahi taufiq walhidayah,*

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.